AKTIVITI INKUIRI

Bab 1a Peranan Kerajaan dalam Ekonomi

Objektif:

1. Membantu murid mengenal pasti Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Company*, GLC) di Malaysia.
2. Pengenalan kepada peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan dalam ekonomi.

Bahan:

1. Power Point Slide_Bab 1a Ekonomi Tg 5
2. Lembaran Kerja Bab 1a

Cadangan Aktiviti:

1. Guru memaparkan Slaid PowerPoint PdPd Interaktif kepada murid.



2. Minta murid menyenaraikan fungsi utama yang dimainkan oleh syarikat GLC tersebut di Lembaran Kerja.
3. Guru menerangkan secara ringkas tentang ciri-ciri syarikat GLC di Malaysia secara umum.
4. Murid diminta untuk menyenaraikan beberapa syarikat GLC di Malaysia dan tuliskan fungsinya.
5. Guru memberikan panduan kepada murid untuk membuat kesimpulan tentang peranan kerajaan sebagai pengeluar dan majikan dalam ekonomi.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 1b Penunjuk Ekonomi

Objektif:


3. Mengenalkan Indeks Harga Pengguna kepada murid.
4. Membantu murid memahami Indeks Harga Pengguna digunakan sebagai alat ukuran inflasi.
5. Pengenalan kepada konsep inflasi.

Bahan:

3. Power Point Slide_Bab 1b Ekonomi Tg 5
4. Lembaran Kerja Bab 1b

Cadangan Aktiviti:

6. Guru memaparkan Slaid PowerPoint PdPd Interaktif kepada murid.



7. Guru terangkan secara ringkas tentang konsep Indeks Harga Pengguna.
8. Murid diminta bincang dalam kumpulan tentang kesan kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara umum.
9. Senaraikan hasil perbincangan di Lembaran Kerja Bab 1b.
10. Wakil setiap kumpulan diminta membentangkan hasil perbincangan masing-masing kepada kelas.
11. Guru mengaitkan Indeks Harga Pengguna dengan kadar inflasi.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 1c Alat Dasar Ekonomi

Objektif:


6. Mentafsir jadual penunjuk ekonomi.
7. Membantu murid mengkategorikan komponen alat dasar fiskal dan dasar kewangan.

Bahan:

5. Power Point Slide_Bab 1c Ekonomi Tg 5
6. Lembaran Kerja Bab 1c
7. Sumber rujukan seperti surat khabar, dan sebagainya

Cadangan Aktiviti:

12. Guru memaparkan Slaid PowerPoint PdPd Interaktif kepada murid.



Tahun	KDNK Benar (% pertumbuhan)	Indeks Harga Pengguna (%)	Kadar Pengangguran (%)	Imbangan Akaun Semasa (USD bilion)	Eksport (USD bilion)	Import (USD bilion)
2018	4.8	1.0	3.3	8.0	248.7	218.0
2019	4.4	0.7	3.3	12.8	240.2	205.0
2020	-5.6	-1.2	4.5	14.3	234.6	190.7
2021	3.0 – 4.0	2.4	4.6 – 4.8	14.1	188.7	152.3

***Sumber**: Kementerian Kewangan Malaysia, Tinjauan Ekonomi 2022*

13. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk membincangkan keadaan ekonomi Malaysia dari tahun 2018 – 2020 berdasarkan data yang dipaparkan dalam jadual.
14. Senaraikan hasil perbincangan di Bahagian 1 dalam Lembaran Kerja Bab 1c.
15. Cikgu mentafsir dan menerangkan data-data tersebut kepada murid:
    a. Pertumbuhan negara semakin menurun dari 4.8% pada tahun 2018 hingga -5.6% pada tahun 2020
    b. Harga barang dan perkhidmatan dalam negara turut menurun
    c. Kadar pengangguran semakin meningkat dari tahun 2018 hingga tahun 2021
    d. Eksport negara turut semakin menurun, tetapi import negara menurun dalam kadar yang lebih besar, maka Imbangan Akaun Semasa semakin baik dari tahun 2018 sehingga tahun 2020
    e. Lain-lain yang bersesuaian
5. Murid diminta mencari maklumat dari pelbagai sumber tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ekonomi yang disenaraikan.
6. Senaraikan hasil di Bahagian 1 dalam Lembaran Kerja Bab 1c.
7. Wakil setiap kumpulan diminta membentangkan hasil perbincangan masing-masing kepada kelas.
8. Guru mengaitkan langkah-langkah atau usaha-usaha kerajaan yang dibentangkan oleh murid dengan konsep dasar fiskal dan dasar kewangan.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 2a Globalisasi

Objektif:

8. Menerangkan maksud globalisasi.

Bahan:

8. Power Point Slide_Bab 2a Ekonomi Tg 5
9. Lembaran Kerja Bab 2a

Cadangan Aktiviti:

16. Guru memaparkan Slaid PowerPoint PdPd Interaktif kepada murid.



17. Murid diminta menulis segala pernyataan/pandangan yang terlintas dalam fikiran masing-masing tentang globalisasi dalam Lembaran Kerja Bab 2a.
18. Guru memilih beberapa orang murid untuk membentangkan pernyataan/pandangan masing-masing.
19. Dengan menggunakan Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Ekonomi Tingkatan 5, guru menerangkan konsep globalisasi.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 2b Perdagangan Antarabangsa

Objektif:

9. Menjelaskan konsep perdagangan dalam negeri dan perdagangan antarabangsa.
10. Menjelaskan secara ringkas tentang kebaikan perdagangan antarabangsa.

Bahan:

10. Power Point Slide_Bab 2b Ekonomi Tg 5
11. Lembaran Kerja Bab 2b

Cadangan Aktiviti:

20. Guru memaparkan Slaid PowerPoint PdPd Interaktif kepada murid.



21. Murid diminta berkongsi pengalaman masing-masing dalam membeli barangan dari luar negara.
22. Guru menerangkan konsep perdagangan dalam negeri dan konsep perdagangan antarabangsa.
23. Murid diminta menuliskan pandangan masing-masing tentang kebaikan membeli barang dari luar negara dalam Lembaran Kerja 2b.
24. Dengan menggunakan Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Ekonomi Tingkatan 5, guru menerangkan konsep dan jenis perdagangan antarabangsa.

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 2c Imbangan Pembayaran

Objektif:


11. Menjelaskan komposisi eksport and import Malaysia.
12. Menjelaskan secara ringkas tentang konsep imbangan dagangan.

Bahan:

12. Power Point Slide_Bab 2c Ekonomi Tg 5
13. Lembaran Kerja Bab 2c

Cadangan Aktiviti:

25. Guru memaparkan Slaid PowerPoint PdPd Interaktif kepada murid.



26. Murid diminta mentaksir infografik yang dipaparkan dalam kumpulan.
27. Murid diminta menuliskan hasil perbincangan kumpulan dalam Lembaran Kerja Bab 2c.
28. Setiap kumpulan diminta membentangkan hasil perbincangan kepada kelas.
29. Guru mentafsir dan menerangkan infografik tersebut kepada murid:
    a. Komposisi import negara terdiri daripada Pembuatan, Perlombongan dan Pertanian
    b. Komposisi eksport negara terdiri dariapda Barang pengantara, Barang modal dan Barang pengguna
    c. Jumlah dagangan = Jumlah eksport + Jumlah import
    d. Imbangan dagangan = Jumlah eksport – Jumlah import
    e. Rakan dagangan utama Malaysia ialah China, Singapura dan Amerika Syarikat

PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd

AKTIVITI INKUIRI

Bab 2d Kadar Pertukaran Asing

Objektif:

13. Mengenal pasti mata wang asing beberapa negara kepada murid.

Bahan:


14. Power Point Slide_Bab 2d Ekonomi Tg 5
15. Lembaran Kerja Bab 2d

Cadangan Aktiviti:

30. Guru memaparkan Slaid PowerPoint PdPd Interaktif kepada murid.



31. Murid dikehendaki mengenal pasti negara asing yang dipaparkan dalam slaid dan sebutkan nama mata wang yang digunakan dalam negara-negara tersebut.
32. Murid diminta menuliskan jawapan masing-masing dalam Lembaran Kerja Bab 2d.



PENERBITAN PELANGI SDN BHD

©Penerbitan Pelangi Sdn Bhd